

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 01/11/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 9
Tajuk : ANGKASA mohon modal pusingan RM300j

ANGKASA mohon modal pusingan RM300j

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

➔ Dana maju sektor koperasi ke peringkat antarabangsa

Oleh Amin Ridzuan Ishak
cnews@nstp.com.my

📌 Pekan

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) memohon kerajaan menyediakan modal pusingan berjumlah RM300 juta pada Belanjawan 2019, bagi mengembangkan sektor koperasi ke peringkat antarabangsa.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata ia adalah tambahan kepada RM100 juta disalurkan kerajaan kepada sektor koperasi setiap tahun pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe11) menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI).

Beliau berkata, pihaknya sudah memohon kepada Kementerian Kewangan supaya modal pusingan



berkenaan disalurkan menerusi ANGKASA yang menjadi penyelarasan bagi memajukan lapan sektor memperkasakan koperasi negara.

"Lapan sektor untuk dimajukan melalui koperasi itu adalah kewangan dan perbankan, perladangan, pertanian, pembangunan hartanah, pemborongan, inovasi, pelancongan dan kesihatan serta komuniti.

"Sektor koperasi perlu diperkasakan bagi mencapai sasaran perolehan berjumlah RM50 bilion menjelang tahun 2020," katanya



Abdul Fattah (tengah) beramah mesra bersama sebahagian pesara guru pada majlis Perasmian dan Makan Malam Jasamu Dikenang, Pengetua Sekolah Malaysia Pahang di Pekan, semalam.

selepas Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Pahang di sini, malam kelmarin.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, ANGKASA memerlukan modal pusingan RM300 juta itu untuk gerakan koperasi bagi membolehkan produk keluarannya di-

pasarkan pada peringkat antarabangsa.

Sedia pelapis koperasi

"Pada masa sama, ia juga bagi menyediakan pelapis koperasi menerusi koperasi sekolah yang setakat ini menunjukkan prestasi baik dan disasarkan mampu men-

catat perolehan berjumlah RM450 juta pada tahun ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya menyasarkan sekurang-kurangnya satu koperasi dari negara ini mampu disenaraikan antara 300 koperasi terbaik di dunia dipilih Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA).